

TARIKH	KHAMIS, 6 FEBRUARI 2025
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	ENAM BULAN TEMPOH SESUAI PUSINGAN KERJA
M/S	8
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	WORK, MANAGEMENT

Enam bulan tempoh sesuai pusingan kerja

Oleh **MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Enam bulan adalah tempoh yang sesuai bagi melengkapkan setiap pusingan kerja melibatkan petugas kaunter di pejabat kerajaan..

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz berkata, ia adalah tempoh sesuai bagi pelaksanaan pusingan kerja di semua kementerian dan jabatan yang dilaksanakan bermula semalam.

Beliau berkata, tempoh itu juga bagi membolehkan petugas kaunter memberi khidmat terbaik selaras perubahan bidang tugas masing-masing.

“Pusingan kerja petugas kaunter akan dilakukan secara

berperingkat selain mengelak gangguan operasi di pelbagai peringkat perkhidmatan awam.

“Tempoh itu munasabah kerana kita memiliki banyak kaunter, sama ada di bawah seliaan kementerian dan jabatan masing-masing,” katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam 2025 dan Perhimpunan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di sini, semalam.

Katanya, buat masa ini, sebahagian daripada petugas kaunter itu akan ditukarkan terlebih dahulu manakala selebihnya dikekalkan dahulu sementara dipindahkan pada fasa berikutnya.

Wan Ahmad Dahlan berkata, pihaknya mengakui proses pertukaran itu bukannya mudah bagi kakitangan yang tidak ber-

pengalaman.

Dalam perkembangan lain, katanya, pihaknya akan mula meletakkan jangka masa bagi pengendalian setiap urusan di sektor awam, selari gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu perkhidmatan awam kekal berdaya saing.

“Penetapan jangka masa itu perlu dibuat susulan rungutan daripada pelanggan kita selama ini serta pemerhatian dilontarkan Perdana Menteri yang melihat ada pegawai kerajaan lembab, malas dan sebagainya.

“Jangka masa ini baik bagi mengukur tahap kepantasan kerana dunia semakin canggih, selain penggunaan kecerdasan buatan (AI), digitalisasi dan sebagainya memerlukan kepantasan,” katanya.

WAN Ahmad Dahlan Abdul Aziz melawat tapak pameran selepas Majlis Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tahun 2025 dan Perhimpunan Jabatan Perkhidmatan Awam di Auditorium JPA, Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya.
- UTUSAN/
FAIZ ALIF ZUBIR



DISEDIAKAN
OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM